

✦ BERITA: Barang Cukup, Tidak Perlu Pembelian Panik



## KTS Perkenal Rawatan Kesihatan Di Rumah Serendah RM30

Suliati Ali 14 Dis 20 06:00 PTG

Utama Semasa

KUALA TERENGGANU, 14 Disember - Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) terus meluaskan rangkaian perkhidmatannya apabila menawarkan servis penjagaan kesihatan terus ke rumah (KTSH Homecare) pada harga serendah RM30.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak berkata, kelebihan utama KTSH Homecare adalah perkhidmatan rawatannya dilakukan secara menyeluruh dan mengutamakan kualiti.

"Dalam erti kata lain, apa yang ditawarkan di KTSH, juga boleh dilaksanakan di rumah, antaranya sepekonsultasi pakar, fisioterapi, farmasi, dietetik dan nutrisi, serta perkhidmatan ambulans.




"Juga ada perkhidmatan lain seperti penjagaan sebelum dan selepas bersalin, penjagaan Orang Kurang Upaya, pesakit terlantar, warga emas, rawatan selepas pembedahan dan sewaan alatan bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran 'KTSH Homecare' di ruang legar KTSH di sini hari ini.

Hadir sama, Pengurus Besar KTSH, Salina Long dan Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin.

Menurut Dr Alias, seramai 10 jururawat terlatih dan beberapa pegawai perubatan serta doktor pakar sedia berkhidmat sekiranya mana-mana pesakit yang tinggal di kawasan Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Marang memerlukan rawatan.

"Harga rawatan yang dikenakan sangat berpatutan serendah RM30 atau bergantung kepada jenis penyakit dan tempoh perkhidmatan yang dikendalikan.



### Berita Terkini

- 
Kes Adio Akan Selesai Tidak Lama Lagi
- 
KTS Perkenal Rawatan Kesihatan Di Rumah Serendah RM30
- 
Barang Cukup, Tidak Perlu Pembelian Panik
- 
Khidmat Malaysia Setiu Bantu Mangsa Pasca Banjir
- 
Kaum Wanita Diseru Kussal Silat

### PALING POPULAR

- 1
Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu
- 2
Pawi Pamer Aksi Di Portugal
- 3
Gara-Gara Lelaki Berbasikal, Mok Nah Dah Popular
- 4
Dulu Jurutera, Sekarang 'Food Rider'
- 5
Penerbangan Dron Sekitar Drawbridge Pada 30,31 Ogos Tidak Dibenarkan

"Apa yang dipaparkan bermula akhir tahun lalu itu, amat bersesuaian dengan perubahan kehidupan kepada norma baru kerana kebanyakan masyarakat hari ini, tidak digalakkan berada di kawasan berisiko.

"Berdasarkan rekod sehingga November lalu, seramai 700 individu yang menghadapi pelbagai penyakit telah menerima perkhidmatan KTSH Homecare," katanya.

Untuk rekod, KTSH merupakan anak syarikat kerajaan negeri di bahagian penjagaan kesihatan TDM Berhad dan ia di bawah kelolaan Kumpulan Medic Iman (KMI Healthcare)

Tag:

Artikel Berkaitan



Kes Adib Akan Selesai Tidak Lama Lagi  
14 Dis 2020



Khidmat Malaysia Setiu Bantu Mangsa Pasca Banjir  
14 Dis 2020



Kaum Wanita Diseru Kuasai Silat  
14 Dis 2020



Konvoi Mahabbah Perluaskan Aktiviti Dakwah Bermotosikal  
14 Dis 2020

A picture is worth a thousand words.  
Follow us on Instagram.

FOLLOW TRDI

Don't miss out on the Latest News

We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email

**TRDI on Youtube**  
Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.

**TRDI on Facebook**

